

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN  
NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 2.11.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina sekolah menengah agama berasrama penuh di daerah Pasir Puteh memandangkan kepada tapak cadangan sekolah telah diambil-milik oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum bercadang untuk membina sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) berasrama penuh di kawasan Pasir Puteh, Kelantan. Hal ini demikian kerana pada masa ini terdapat tiga (3) buah sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) dan 11 buah Kelas Aliran Agama (KAA) khusus di daerah Pasir Puteh yang boleh menampung keperluan pendidikan agama di kawasan tersebut. Di samping itu, KPM memberi keutamaan merancang pembinaan sekolah menengah harian bagi keperluan pendidikan menengah di kawasan tersebut.